

**Najib Tiba Untuk Lawatan Ke Kedah**  
**Bernama**  
**30 April, 2013**

ALOR SETAR, 30 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak tiba di sini hari ini untuk lawatan kerja di Kedah.

Ketibaan beliau bersama isteri Datin Seri Rosmah Mansor di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Kepala Batas di sini pada pukul 9.20 pagi disambut Pengerusi Barisan Nasional (BN) Kedah Datuk Ahmad Bashah Md Hanipah, Timbalannya Datuk Mukhriz Tun Dr Mahathir, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Seri Chor Chee Heung serta pucuk pimpinan BN negeri.

Najib memulakan lawatan dengan bersarapan bersama orang ramai di pekan Kepala Batas yang terletak dalam kawasan Dewan Undangan Negeri Jitra dan Parlimen Kubang Pasu.

Beliau kemudian akan merasmikan Sekolah Kebangsaan Taman Awana di sini.

Selepas majlis itu, Perdana Menteri dan rombongan akan ke Baling untuk menghadiri majlis perjumpaan rakyat bersama Perdana Menteri di Padang Keda, Pekan Baru Keda, Kupang.

Najib kemudian akan ke Pulau Pinang untuk lawatan kerja di sana.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=946246>